

Halaman belia:

# WAHAI PEMUDA PERHATILAH

Di bawah kita turunkan pati ucapan Tuan Muhamad Natsir penganjur Islam Indonesia yang kebilangan yang sedang perjuangan Masyumi pada hari ini, Ucapannya yang berharga ini telah dihamburkan kepada pelajar-pelajar di Bukit Tinggi dalam lawatannya ke sana baharu-baharu ini. – pengarang.

(Oleh Muhammad Natsir)

Saudara-saudara masih berada dalam bangku sekolah, masih mempersiapkan diri untuk memperlengkapi kecerdasan dengan menambah pengetahuan, dan juga memperlengkapi kemampuan sebagai peribadi orang seorang guna kelak untuk mencimpungkan diri ke dalam masyarakat dan untuk bertanggungjawab dalam masyarakat.

Saudara-saudara yang hadir dalam ruangan ini sebenarnya adalah sebahagian daripada pemuda-pemuda yang mendapat kesempatan yang istimewa itu. maka tiap-tiapa keistimewaan, tiap-tiap hak yang luar biasa tidak dapat diterima oleh sebahagian besar dari pemuda-pemuda itu. Hendaklah saudara-saudara ambil tanggungjawab sebagai satu hak yang membawa kewajipan yang istimewa pula,

Sebagai pemuda-pemuda yang akan memegang peranan penting hendaklah saudara-saudara memperlengkap diri dengan alat-alat hidup, senjata hidup sebenar pelopor pembimbing masyarakat.

## Jangan Hidup Sebagai Rama-Rama

Sebahagian daripada alat yang diperlukan itu sudah kita dapati dalam sekolah-sekolah dan pengalaman-pengalaman, iaitu yang mengisi otak serta mengasah akal saudara-saudara. Selain itu apa yang diperlukan lagi?

Untuk hidup ini, hidup dengan erti hidup yang insaf, yang sebenar-sebenarnya hidup, bukan hidup sebagai rama-rama yang hanya hidup buat satu malam sahaja dan tidak memberi bekas. Tetapi hiduplah sebagai manusia yang kalau lahir diketahui dan matinya orang menangis.

## Kisah Professor

Ada satu cerita yang barangkali saudara pernah mendengarnya. Saudara yang mengenal ilmu psikologi dan *Paedagogi* tentu akan mengenal Professor Koushtom bangsa Austria yang telah berpindah ke negeri Belanda sesudah perang dunia pertama. Lalu mengajar ilmu fizik (ilmu tabi‘t) di salah sebuah perguruan tinggi di sana. Tetapi kemudian daripada itu professor itu telah membunuh diri sehingga mengemparkan rakan-rakan sejawatannya dan pelajar-pelajar.

Ia sangat dicintai oleh pelajar-pelajar, kerana ilmunya dan akhlaknya serta elok pergaulannya. Pelajar-pelajar memandangnya sebagai pembimbing dan sebagai bapak.

Mereka terkejut dan gempar kerana tidak dapat memikirkan apa gerangan yang menjadi sebab maka ia membunuh diri. Pada hal membunuh diri hanyalah dapat dilakukan oleh orang yang tidak berilmu dan tidak siuman.

Lebih-lebih menakjubkan kerana sebelum ia membunuh diri

ia telah membunuh anaknya sendiri.

Mujurnya rahsia itu telah dapat diketahui oleh seorang professor yang menjadi sahabat karibnya, yang telah menerima sepucuk suratnya.

Di dalam surat itu diriwayatkan tentang kehidupannya sebagai seorang mahasiswa yang serba cukup dan tidak pernah mengalami kesulitan hidup. Ia telah diserahkan ke sekolah oleh ayahnya mulai sekolah rendah sampai ke sekolah tinggi.

Otaknya tajam sehingga ia dapat menjadi professor dan terus ia menyelidiki alam ini dengan pengetahuan itu dan akhirnya ia mengajar di sekolah tinggi di negeri Belanda. Ia bukan semata-mata seorang guru tetapi juga seorang penyelidik, seorang pelopor pengetahuan fizik, bukan dengan membaca buku orang lain, tetapi merintis jalan sendiri ke “ilmu fizik” itu.

Tiap-tiap pendapatan baharu semuanya diserahkan kepada segenap lapangan ilmu pengetahuan sebagai tambahan sumbangannya untuk umat manusia dalam abad kedua puluh ini ialah seorang perintis jalan, ia tidak kekurangan harta benda, ilmunya tinggi, pergaulan baik tidak ada yang kurang dalam penghidupannya lahir atau batin.,

“Akan tetapi” demikian kata surat itu “Saya..... wahai saudara masalah saya ini mungkin orang tidak akan percaya kerana tidak ada kurang dalam penghidupan saya. Tetapi sebenarnya saya ada kekurangan yang tidak pernah akan diperolehi; tidak dapat dibeli dengan wang dan tidak dapat dicari dengan ilmu. Katanya lagi: sudah tidak pernah tenteram dan ... kadang-kadang saya bingung kerana tidak dapat menjawab pertanyaan, kerana apa sebenarnya saya hidup di atas dunia ini?? saya menjangka bahawa saya dapat menjawab pertanyaan itu dengan mempelajari ilmu fizik dan saya teruskan mengupas ilmu itu. kegembiraan saya



*Muhammad Natsir*

ialah kalau saya mendapat satu pendapatan baharu yang orang lain tidak mengetahuinya.

Di situ kepuasan hidup saya peroleh, akan tetapi apa yang saya anggap pada hari ini satu kebenaran mutlak, besoknya akan ada satu kebenaran lain yang membatalkan apa yang kelmarin sudah menjadi kebenaran. Kejadian yang terus menerus ini menyebabkan saya tidak pernah merasa kententeraman jua. Inilah rahsia hidupku.

Aku melihat sekeliling, tiba-tiba berjumpa dengan satu penghargaan. Kalau umurku ini tidak sempat menjawab pertanyaan apakah ini dapat dilanjutkan dan barangkali dia akan mendapatinya.

Demikian cerita itu.

Kebetulan otak anaknya itu tajam pula tetapi dengan tiba-tiba akal anaknya itu rosak dan tidak diketahui

-sambungan pada muka 30

-sambungan dari muka 11

apa sebabnya. Orang yang ahli tentu tidak akan susah mencari apa yang boleh mengubatinya. Akan tetapi seseorang demi seseorang yang mengelengkan kepada dan merasa binggung bagi mengubatinya.

Anaknya itulah yang menjadi pegangan profesor itu, kerana anaknya itulah yang akan dapat melanjutkan penyelidikan bagi mengetahui erti hidup ini yang sebenarnya. Ibarat seseorang yang telah putus tempat bergantung maka akhirnya bertambah kecewalaah profesor itu, dalam keadaan bingung itulah dia menembak mati anaknya. Dan membunuh dirinya sendiri.

Seterusnya dalam suratnya itu diterangkan: bahawa aku telah pergi ke dusun-dusun melihat petani di ladang-ladang, melihat penggembala ternak di padang, melihat orang yang tidak mempunyai pakaian yang teratur, dan melihat rumah-rumah yang sangat sederhana, tetapi mengapa mereka bahagia, muka mereka cerah dan jiwa mereka tenteram. Sedangkan mereka tidak mempunyai kekayaan dan tidak pula mempunyai ilmu setinggi ilmuku? Aku mencari yang demikian itu, aku mencari dengan ilmu, tetapi ternyata dengan ilmu itu jiwaku tidak tenteram, malahan ilmu menjadi punca kerosakan jiwaku sendiri aku ingin kepada Tuhan. Apa yang diberi nama dengan Tuhan itu aku ingin mengetahuinya. Aku ingin berpegang sama-sama dengan mereka. Aku rindu kepada Tuhan. Tetapi di dalam ini aku tidak dapat berjumpa dengan-Nya. Mudah-mudahan lekas aku berjumpa dengan Tuhan. Kalau tidak di tepi bumi ini mudah-mudahan di dalam kubur. Oleh sebab itu aku putuskan nyawaku di atas dunia ini. Mudah-mudahan lekas aku bejumpa dengan Tuhan.

Kepercayaan kepada agama adalah perlu tetapi kepercayaan itu tidak memberi bekas manakala tidak dipenuhi pada saat mana ia diperlukan, kalau hati sudah membantu sedang jiwa

ingin kembali kepada Tuhan tidak ubahnya seperti kita “menampak air yang dapat dicapai tetapi tidak dapat diambil.”

Akhirnya inilah kerosakan yang telah bergelora dalam jiwa seorang yang terpelajar tinggi bagi mencari Tuhan ia akhiri hidupnya dengan membunuh diri dan membunuh anaknya. Surat itu seterusnya: wahai anakku, iri hati aku melihatmu, engkau orang berbahagia dan budiman, mudah-mudahan Tuhan akan melindungi engkau.

Ia tidak bertemu dengan Tuhan. Antara percaya dan tidak percaya itulah yang telah menimbulkan kerosakkan. Kerosakkan yang telah meremuk redamkan seorang yang berotak tajam.

### Ibarat Orang Sudah Berakit

Saya ceritakan hal ini ialah setelah kita mendengar akibat tumbangannya seorang sebagai hasil dari kepercayaan barat dalam abad yang lalu ini. itu adalah satu gejala (tanda, alamat-P.) dari keadaan yang telah meluas. satu keadaan yang telah memuaskan diri pada ketajaman akal semata-mata dengan memutuskan perhubungan urat nadinya dengan apa yang dinamakan iman. Setelah Eropah Barat yang tadinya terpesong oleh ilmu pengetahuan yang sangat tinggi, silu mata mereka memandang akan hasil ilmu pengetahuan itu sehingga mereka menganggap bahawa agama itu rintangan belaka.

Ditolaknya agama itu, ibarat orang yang sudah berakit. Sampainya ke seberang kakinya menolak rakitnya. Sedang (rakit itu) hanyut dibawa oleh air. Agama telah membawa Eropah kepada apa yang dinamakan *saint* tetapi agama itu dilemparkan kerana dianggap menghalang.

Hilangnya tempat berpegang kemudian berdirilah apa yang dinamakan iman dan kepercayaan. Maka hala itu adalah salah satu daripada kerosakan (krisis) yang susah hendak diperbaiki sekarang. Orang mendengar bahawa Eropah dan Amerika adalah negara yang maju pada membuat kapal terbang, bom

atom dan bom hidrogen.

Mereka telah mencapai satu tingkatan ilmu pengetahuan yang luar biasa yang tidak dapat dimimpikan orang pada ratusan tahun yang lalu. mereka bergembira dengan segala pendapatan bahawa itu kerana dapat merasakan hasil kerja keras, hasil dari perjuangan bagi menakluk alam.

Akan tetapi di samping kegembiraan itu timbul ketakutan yang bukan main. Mereka takut akan hasil perbuatan sendiri. Sebabnya bukanlah mendatangkan kebahagiaan hidup akan tetapi menjadi punca malapetakan yang dapat menghancurkan segala isi dunia ini.

Kenapa ilmu itu masih boleh menakutkan?

Kalau seseorang mendapat satu *diamond*, dia bergembira. Kerana dengan *diamond* itu dia dapat menghancurkan batu yang besar-besar dalam waktu yang singkat. Kemudian dia akan dapat melihat beribu-ribu pecahan-pecahan batu yang akan dapat dipergunakan untuk kebahagiaan manusia. Akan tetapi lebih lekas lagi kalau *diamond* itu dipakai oleh manusia bagi menghancurkan manusia sendiri dalam waktu yang singkat pula.

Apa ertinya ini semua?

Pertanyaan ini timbul dalam hati orang itu sendiri.

Hendak ke mana kita sekarang?

Apakah ertinya hasil selama ini, adakah sebenarnya hendak menghancurkan manusia?

\*

Apakah gunanya kita ini?

Pertanyaan ini menunjukkan bahawa dalam manusia inilah hidup sebagai manusia hendaklah hidup memelihara budi dari bencana perbuatan sendiri.

Tanamlah Benih

## Selagi Tanah Masih Subur!

Alat-alat bagi menyampaikan hajat manusia di dalam hidup ialah bahan. Bukan satu bahan yang hanya dipergunakan oleh orang yang bodoh-bodoh akan tetapi satu barang yang dihajati oleh tiap-tiap manusia yang ingin hidup sebagai manusia. Barang itu ialah "keimanan". Keimanan itu hanya boleh bertakhta di dalam hati manusia selama ia masih subur untuk menerima keimanan itu. saatnya ialah ketika ia masih muda, masih berumur 15 dengan 20 tahun.

Pada waktu pancaroba jiwa meraba-raba mencari kebenaran pada waktu itulah benih keimanan dapat menjadi subur kalau hendak ditanam. Akan tetapi, kalau masa itu sudah dilewatinya maka dia akan tandus, kering... dan kalau sudah kering dia akan membatu.

Sebagai seorang tua saya hendak menyampaikan pesan kepada saudara-saudara. Saya merasa amat beruntung dapat menyampaikan pesan ini kepada pemuda-pemuda yang jiwanya subur untuk ditanami.

Kalau benar-benar hendak mempersenjatai hidup, jangan lupa bahawa di samping mengasah otak dan akal, saudara juga wajib melatih jiwa untuk berbuat. Latihlah diri dalam riadah. Latih itu dilakukan sampai umur telah lanjut, dan bila saat jiwa sudah membeku, tidak dapat lagi menerima latihan keimanan.

Jika saudara mengingatkan dunia ini hendak selamat, jangan semata-mata menuntut ilmu sahaja, kerana ilmu pengetahuan sahaja tidak dapat memelihara manusia daripada keuntuhan.

Jika hendak mempunyai satu senjata hidup tanamkanlah dari sekarang rasa tawhid dalam jiwa saudara hubungkanlah diri dengan Tuhan.

-Aliran Islam-